

Mengurangkan gaji dan elaun ...

# Cadangan Dr M menimbulkan reaksi berbeza

**KUALA LUMPUR, Ahad**—Cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d mengurangkan gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen menimbulkan reaksi yang berbeza di kalangan mereka yang terlibat.

Bagaimanapun, parti-parti pembangkang dan kesatuan-kesatuan sekerja mengalu-alukan cadangan itu dengan menganggapnya sebagai 'cadangan manis' kerana menjimatkan wang negara.

Menteri-menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen keti-

ka diminta mengulas perkara itu hari ini berbeza pendapat.

Sebahagianya menyokong cadangan itu, ada pula yang menolak dan tidak kurang pula yang enggan membuat sebarang ulasan.

## Perumahan

Gaji Perdana Menteri kini ialah \$8,500 berbanding lima tahun dulu semasa pimpinan Al-lahyarham Tun Abdul Razak sebanyak \$5,000 saja.

Manakala gaji Timbalan Perdana Menteri kini ialah \$7,500 berbanding \$4,000 lima tahun lalu, gaji Menteri \$6,500 (\$3,000), Timbalan Menteri \$5,000 (\$2,000) dan Setiausaha Parlimen \$3,500 (\$1,500).

Datuk Seri Dr. Mahathir ketika melahirkan cadangan itu semalam mensifatkan gaji mereka kini terlalu tinggi lebih-lebih lagi setelah mendapat pendapatan menerusi elaun wakil rakyat, Ahli Dewan Rakyat, perumahan, keraian dan berbagai kemudahan lain.

Seorang Menteri kanan berpendapat: "Ia cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, kami tidak wajar membantahnya.

"Lagipun kami tiada kesatuan yang boleh menentang cadangan itu," tambahnya lagi.

Seorang Menteri lain pula ketika mengalu-alukan cadangan itu berkata, mengurangkan

gaji pokok tidak membekalkan asal tidak melibatkan pengurangan elaun.

"Menteri dan Timbalan Menteri, misalnya, banyak menerima kemudahan lain seperti elaun wakil rakyat, perumahan, keraian dan berbagai kemudahan percuma termasuk kereta," jelasnya.

Seorang Timbalan Menteri pula berkata, jika cadangan itu dilaksanakan, ia juga harus melibatkan gaji dan elaun Menteri Besar, Ketua Menteri dan ahli-ahli Exco Negeri.

Menurutnya, kempen awal menjimatkan wang negara yang dimulakan dari golongan pemimpin adalah langkah bijak sewaktu negara sedang menghadapi krisis ekonomi.

Seorang lagi rakan sejawatnya pula berpendapat: "Gaji Menteri-menteri dan Timbalan Menteri tidaklah begitu tinggi berbanding tuannya atau Pengarah Urusan syarikat-syarikat swasta terkemuka.

"Malah tanggungjawab Menteri dan Timbalan Menteri adalah berat meliputi rakyat seluruh negara, berbanding syarikat-syarikat swasta yang lebih menguntungkan," tambahnya lagi.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri itu enggan menyatakan beliau menolak cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir itu. "Menyokong tidak menolakpun tidak," katanya.

Setiausaha Parlimen yang dihubungkan hari ini enggan membuat sebarang ulasan. "Saya tak berani," katanya ringkas.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula menyokong penuh cadangan Perdana Menteri mengurangkan gaji dan elaun pemimpin-pemimpin yang terlibat.

Nalib Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak berkata, tindakan itu kena pada masanya bagi kepentingan seluruh rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Parti DAP pula ketika mengalu-alukan cadangan itu menganggap ia hendaklah dijadikan sebahagian langkah menjimatkan perbelanjaan negara.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia